

ISI KANDUNGAN

	MS
1.0 Pengenalan	2
2.0 Objektif Majlis	2
3.0 Fungsi Majlis	3
4.0 Keanggotaan Ahli Majlis	4
5.0 Peranan Ahli-Ahli Majlis	7
6.0 Elaun Dan Kemudahan	9
7.0 Peraturan Mesyuarat	10
7.1 Mesyuarat M3PK	10
7.2 Mesyuarat M3PN	11
8.0 Penutup	12

1.0 PENGENALAN

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Jun 2012 mengambil maklum dengan penubuhan Majlis Perunding Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan (M3PK) dan Majlis Perunding Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri (M3PN) berikutan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 27 Mei 2012 yang memberi tanggungjawab kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk menjaga hal ehwal penjaja dan peniaga kecil seluruh Negara.

2.0 OBJEKTIF MAJLIS

Objektif Majlis Perunding Penjaja dan Peniaga Kecil adalah untuk bertindak sebagai forum rasmi dalam usaha mewujudkan masyarakat penjaja dan peniaga kecil yang mantap dari segi ekonomi dan sosial termasuk menjaga hal ehwal penjaja dan peniaga kecil, menyelaraskan pelaksanaan program dan aktiviti di peringkat pusat dan negeri serta berperanan sebagai badan perantaraan (*liaison*) di antara Kerajaan

Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil di seluruh negara.

3.0 FUNGSI MAJLIS

Majlis perunding ini berperanan seperti berikut:

- 3.1 Menjadi forum untuk menyalurkan input dalam merancang, dan menggubal dasar, strategi, program dan aktiviti yang sesuai bagi membangunkan sektor penjaja dan peniaga kecil;
- 3.2 Mengesyorkan inisiatif dan program pembangunan penjaja dan peniaga kecil; dan
- 3.3 Meningkatkan kerjasama antara agensi Kerajaan, Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil serta badan bukan Kerajaan bagi memastikan dasar dan garis panduan dilaksanakan secara berkesan.

4.0 KEANGGOTAAN AHLI MAJLIS

4.1 Struktur organisasi Majlis dibahagikan kepada dua (2) peringkat iaitu:

- (i) M3PK (peringkat pusat) dipengerusikan oleh YB Menteri PDNKK; dan
- (ii) M3PN (peringkat negeri) dipengerusikan oleh Exco Kerajaan Negeri (Portfolio Penjaja dan Peniaga Kecil/ keusahawanan) atau Pegawai Pembangunan Negeri yang dilantik oleh YB Menteri PDNKK

4.2 Keanggotaan ahli Majlis peringkat Kebangsaan dan Negeri adalah seperti berikut:

KEANGGOTAAN	M3PK	M3PN
Pengerusi	YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	Exco Kerajaan Negeri (Portfolio Penjaja dan Peniaga Kecil / Keusahawanan) yang dilantik oleh Menteri Besar atau Pegawai Pembangunan Negeri yang dilantik oleh YB Menteri PDNKK

KEANGGOTAAN	M3PK	M3PN
Timbalan Pengerusi	Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia	Yang Dipertua Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Yang Dipertua Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Bumiputera (bagi Sabah dan Sarawak)
Setiausaha	Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Negeri
Ahli-Ahli	<ul style="list-style-type: none"> (i) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Majlis Perunding Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri (ii) 7 Wakil Persatuan Penjaja dan Peniaga Wilayah Persekutuan (Termasuk Labuan dan Putrajaya) yang telah dilantik sebagai ahli Majlis Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (iii) Kementerian Kewangan Malaysia (iv) Bahagian Pekerja Asing, Kementerian Dalam Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> (i) Pengerusi-pengerusi persatuan penjaja dan peniaga kecil peringkat Daerah secara automatik menjadi ahli M3PN dan wakil-wakil yang dilantik mengikut budibicara Pengerusi M3PN mengikut senarai ahli-ahli MPPKN (mewakili komposisi semua kaum) (ii) Bahagian Kerajaan Tempatan, Setiausaha Kerajaan Negeri (iii) Jabatan Kesihatan Negeri (iv) Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Dalam Negeri

KEANGGOTAAN	M3PK	M3PN
	(v) Kementerian Wilayah Persekutuan (vi) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (vii) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (viii) Kementerian Kesihatan Malaysia (ix) Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Dalam Negeri (x) Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) (xi) Majlis Amanah Rakyat (MARA) (xii) Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) (xiii) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (xiv) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (xv) Bank Kerjasama Rakyat (xvi) SME Corporation Malaysia (SME Corp) (xvii) Amanah Ikhtiar Malaysia	(v) Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) (vi) Majlis Amanah Rakyat (MARA) (vii) Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) (viii) Lain-lain ahli yang dilantik oleh Pengerusi M3PN
Urus Setia	Bahagian Pembangunan Perniagaan, KPDNKK	Seksyen Perdagangan Dalam Negeri, PPDNKK Negeri

- 4.3 Ahli M3PK dilantik oleh Pengerusi M3PK manakala ahli M3PN dilantik oleh Pengerusi M3PN.
- 4.4 Majlis boleh memperakukan pemecatan mana-mana ahli M3PK dan M3PN atas sebab-sebab munasabah kepada Pengerusi M3PK atau M3PN, di mana berkenaan untuk pertimbangan. Keputusan Pengerusi M3PK atau M3PN adalah muktamad.
- 4.5 Pelantikan ahli M3PK dan M3PN yang mewakili Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan adalah dilantik atas jawatan rasmi yang disandang oleh anggota tersebut.
- 4.6 Ahli M3PK dan M3PN dibolehkan untuk melepas/meletak jawatan dengan memberi notis bertulis 14 hari kepada Pengerusi M3PK atau M3PN, di mana berkenaan.

5.0 PERANAN AHLI-AHLI MAJLIS

- 5.1 Ahli-ahli Majlis seboleh mungkin hendaklah menghadiri semua mesyuarat yang diatitkan. Sekiranya mereka tidak dapat hadir dalam

sesuatu mesyuarat itu, ahli-ahli berkenaan hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Setiausaha Majlis.

- 5.2 Ahli-ahli Majlis hendaklah memainkan peranan aktif membincangkan sesuatu isu atau masalah dengan tujuan menyelesaikannya. Ahli-ahli Majlis hendaklah menyatakan pandangan, ulasan dan pendirian organisasi yang diwakili mereka dalam sesuatu isu yang dibangkitkan.
- 5.3 Ahli-ahli Majlis yang tidak hadir apabila sesuatu isu atau perkara dibincangkan akan juga dianggap sebagai bersetuju dengan keputusan-keputusan mesyuarat yang dicapai.
- 5.4 Ahli-ahli Majlis hendaklah mengelakkan dari menimbulkan atau membawa isu-isu sensitif, peribadi atau dalaman untuk dibincangkan dalam mesyuarat.
- 5.5 Ahli-ahli Majlis hendaklah memberi perhatian, maklumbalas dan mengambil tindakan terhadap keputusan-keputusan yang telah dicapai dalam mesyuarat kepada Urus Setia.

6.0 ELAUN DAN KEMUDAHAN

M3PK dan M3PN ditubuhkan oleh Kementerian. Elaun dan kemudahan Ahli Majlis dari kalangan sektor bukan Kerajaan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan WP 7.3/2013 dengan kelulusan Pegawai Pengawal seperti berikut:

- (i) Bayaran Elaun Kehadiran Mesyuarat bagi ahli-ahli M3PK adalah sebanyak RM300 seorang;
- (ii) Bayaran Elaun Kehadiran Mesyuarat bagi ahli-ahli M3PN adalah sebanyak RM150 seorang;
- (iii) Elaun Penginapan berdasarkan harga sebenar bagi hotel (bilik biasa) (Semenanjung Malaysia/Sabah/Sarawak/WP Labuan) dan RM70 bagi lojing bagi Semenanjung Malaysia dan RM75 bagi lojing di Sabah, Sarawak dan WP Labuan;
- (iv) Tuntutan Perjalanan sebanyak RM0.70 per kilometer atau penerbangan (kelas ekonomi) pergi balik atau melalui tuntutan balik (kelas ekonomi) dengan kebenaran Pegawai Pengawal; dan

- (v) Elaun makan sebanyak RM85 sehari bagi Semenanjung Malaysia atau RM115 bagi Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

7.0 PERATURAN MESYUARAT

7.1 Mesyuarat M3PK:

- (i) M3PK hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.
- (ii) Mesyuarat akan dipengerusi oleh Pengerusi M3PK.
- (iii) Tarikh dan tempat mesyuarat ditetapkan oleh Setiausaha M3PK setelah berunding dengan Pengerusi.
- (iv) Korum yang diperlukan bagi sesuatu mesyuarat adalah tidak kurang daripada 2/3 keahlian (atau 21 orang ahli).
- (v) Mesyuarat hendaklah dihadiri oleh Pengerusi dan ahli-ahli Majlis yang dilantik sahaja (tidak boleh menghantar wakil).

- (vi) Kementerian/ Jabatan boleh menghantar wakil.
- (vii) Urus Setia bagi M3PK ialah Bahagian Pembangunan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

7.2 **Mesyuarat M3PN:**

- (i) Mesyuarat M3PN hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun mengikut negeri masing-masing.
- (ii) Mesyuarat akan dipengerusi oleh Pengerusi M3PN.
- (iii) Tarikh dan tempat mesyuarat ditetapkan oleh Setiausaha M3PN setelah berunding dengan Pengerusi.
- (iv) Korum bagi setiap mesyuarat ialah 2/3 keahlian dari jumlah keahlian.
- (v) Urus Setia bagi M3PN ialah Seksyen Perdagangan Dalam Negeri (Unit Penjaja dan Peniaga Kecil), Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri.

- (vi) Satu salinan Minit Mesyuarat hendaklah dikemukakan kepada Unit Penjaja dan Peniaga Kecil, Bahagian Pembangunan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dalam tempoh 2 minggu selepas tarikh mesyuarat.

8.0 PENUTUP

Penubuhan Majlis Perunding Penjaja dan Peniaga Kecil peringkat Kebangsaan dan Negeri ini merupakan medium untuk membantu dalam memoden dan membangunkan sektor tersebut. Kerjasama erat antara Kementerian, Jabatan/Agensi Kerajaan dan Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil dapat meningkatkan keberkesanan usaha Kerajaan dalam memoden dan membangunkan sektor penjaja dan peniaga kecil di Malaysia.

Catatan:

Catatan: